



KAWASAN perumahan yang banyak haiwan terbiar juga antara faktor penyakit Toksokariasis pada manusia dan haiwan. - Gambar hiasan

AWAS CACING!

Kurang peka jaga kebersihan undang bahaya senyap dalam tubuh anak kecil

FOKUS

Oleh Profesor Madya
Dr Nur Mahiza Md Isa
rencana@metro.com.my
(Penulis adalah Pensyarah
Kanan di Fakulti Perubatan
Veterinar, Universiti Putra
Malaysia (UPM))

Baru-baru ini dilaporkan seorang kanak-kanak di Indonesia meninggal disebabkan cacing parasit yang dinamakan Ascaris lumbricoides.

Sungguh menyayat hati apabila dilihat kanak-kanak yang bernama Raya itu ditemui dengan cacing

yang banyak dalam tubuh kecilnya itu. Malah cacing itu turut keluar dari rongga tubuhnya.

Kajian lalu juga mendapati kanak-kanak lebih terdedah kepada jangkitan cacing ini kerana kurang peka terhadap kebersihan.

Tabiat kanak-kanak yang gemar meletakkan tangan yang kotor dalam mulut juga mengundang infeksi cacing Toxocara di mana mereka boleh termakan telur cacing ada pada tanah tercemar.

Selain Ascaris lumbricoides, ada beberapa cacing lain yang boleh

menjangkiti kanak-kanak secara senyap.

Saya pasti, ramai ibu bapa yang tidak menyangka bahawa cacing daripada kucing atau anjing peliharaan boleh berpindah kepada anak mereka.

Penyakit ini dikenali sebagai Toksokariasis berpunca daripada jangkitan telur cacing Toxocara yang tersembunyi dalam najis haiwan.

Toxocara mungkin kelihatan sebagai cacing biasa, tetapi kesannya kepada manusia terutama kanak-kanak, boleh mengubah kehidupan mereka selamanya.



> 34

KAJIAN mendapati kanak-kanak lebih terdedah jangkitan cacing kerana kurang peka terhadap kebersihan. - Gambar hiasan

TOXOCARA PANTAS MEMBIAK

Telur cacing ini sangat tahan, boleh hidup berbulan-bulan, cacing dewasa hasil lebih 20,000 telur sehari

FOTO: PROFESOR MADIKAH NUR MAHIZA MD ISA/DAIPICHEL

DARI MUKA 33

Perlu diketahui bahawa Toxocara adalah cacing gelang atau 'roundworm' yang boleh menjangkiti anjing dan kucing.

Toxocara canis adalah cacing yang ada pada anjing, manakala Toxocara cati adalah cacing yang ada pada kucing.

Telur cacing ini keluar melalui najis, lalu mencemari tanah, pasir, rumput dan sayur-sayuran.

Malah telur cacing Toxocara ini sangat tahan, ia boleh hidup berbulan-bulan dan cacing dewasa ini boleh menghasilkan lebih 20,000 telur sehari.

Anak-anak anjing kebiasaannya terkena cacing ini sebelum dilahirkan. Infeksi cacing ini berlaku apabila larva dari tisu ibu anjing yang dijangkiti, bermigrasi dan ke plasenta kemudian menjangkiti fetus anjing.

Pada masa sama anak anjing yang kecil juga boleh dijangkiti melalui susu atau tertelan telur cacing daripada tanah yang tercemar.

Ada pelbagai cara Toxocara menjangkiti manusia. Salah satunya, tertelan telur cacing melalui tangan yang kotor. Contohnya ketika kanak-kanak bermain tanah, pasir atau najis haiwan.

Selain itu, melalui makan sayur atau buah



PENJAGAAN haiwan peliharaan serta persekitaran adalah kunci utama untuk menghalang jangkitan senyap. - Gambar hiasan

yang tidak dibasuh sempurna. Pada masa sama, Toxocara turut menjangkiti manusia melalui pemakanan organ dalam haiwan perantara ayam dan lembu yang dijangkiti larva.

Gejala pada manusia adalah melalui telur cacing yang masuk dalam tubuh, menetas menjadi larva,

tetapi tidak menjadi cacing dewasa.

Larva ini akan berkeliraran untuk tempoh berpanjangan dalam tubuh manusia dan keadaan ini dipanggil 'larva migrans'. Ia biasanya disebabkan cacing daripada haiwan. Manusia adalah perumah yang abnormal dan keadaan itu menyebabkan larva



ADA pelbagai cara Toxocara menjangkiti manusia. - Gambar hiasan



SEKOR cacing dalam specimen botol yang diletakkan dalam makmal. - Gambar hiasan

cacing berkeliraran untuk tempoh yang lama pada tisu manusia.

Ada beberapa simptom yang boleh dikesan. 'Larva migrans visera' membawa simptom demam, batuk, hati membengkak, kelerihan dan pening.

'Larva migrans ocular' pula apabila sampai ke mata boleh menyebabkan rabun, bengkak, mata putih (leukocoria) dan boleh jadi buta.

Ada juga simptom berkaitan dengan saraf, dipanggil 'larva migrans neural' yang jarang berlaku, tetapi boleh menyerang otak dan berlaku sawan.

Justeru, kesedaran masyarakat berkenaan kebersihan, penjagaan haiwan peliharaan serta persekitaran adalah kunci utama untuk mengawal jangkitan senyap ini.

Faktor risiko untuk penyakit Toksokariasis pada manusia dan haiwan

- Kanak-kanak di usia sekolah rendah yang kerap bermain tanah atau pasir.
- Pemilik kucing atau anjing di mana haiwan itu tidak diberi ubat cacing berkala.
- Kawasan perumahan yang banyak haiwan terbiar.
- Individu yang bekerja

dalam bidang yang membabitkan tanah, contohnya pekerja ladang dan pertanian.

Langkah pencegahan

- Berikan ubat cacing pada kucing dan anjing secara berkala.
- Didik kanak-kanak cuci tangan sebelum makan.
- Jangan biarkan haiwan peliharaan membuang najis di kawasan permainan.
- Basuh sayur-sayuran atau buah-buahan dengan sempurna.
- Kawal populasi haiwan terbiar.

TOXOCARA adalah cacing nematod yang mempunyai telur yang tahan lasak di persekitaran. - Gambar hiasan

Anda mempunyai pengalaman, koleksi gambar menarik bersama haiwan atau haiwan peliharaan boleh dikongsi dengan menghantar e-mel ke rencana@metro.com.my